



Tarikh : 8 November 2024

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**AKTIVITI KERJA LAPANGAN DAN KELAS AMALI SIDANG AKADEMIK 2024/2025
RANCANGAN PENGAJIAN JARAK JAUH, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kerja lapangan dan kelas amali merupakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang wajib dihadiri oleh pelajar bidang Biologi / Fizik / Kimia Rancangan Pengajian Jarak Jauh (RPJJ), Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai salah satu syarat wajib pengijazahan.

3. Sehubungan dengan ini, pihak Universiti telah menetapkan tarikh bagi kerja lapangan dan kelas amali RPJJ Sidang Akademik 2024/2025 seperti butiran di bawah **dengan mod pelaksanaan secara bersemuka di Kampus Induk USM:**

Biologi	: 2 – 6 Disember 2024 / 3 – 15 Februari 2025 <i>(Pelajar boleh memilih untuk hadir pada Disember 2024 atau Februari 2025)</i>
Fizik	: 2 – 8 Disember 2024
Kimia	: 3 – 15 Februari 2025

4. Diharapkan penerangan ini dapat membantu YBhg. Dato'/Datuk/Datin/tuan/puan dalam mempertimbangkan pelepasan atau kelulusan Cuti Tanpa Rekod untuk Pegawai/Staf yang mengikuti pengajian secara jarak jauh di USM.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(PROF. MADYA DR. ZULNAIDI BIN YAACOB)
Dekan